



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH  
جامعة إنسانية  
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN  
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI  
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)  
DI MAJLIS KONVOKESYEN KE-18**

**PADA : 25 SEPTEMBER 2016  
TEMPAT : DEWAN PERMAISURI TUANKU HAJAH  
HAMINAH**

**DRAF TEKS UCAPAN YBHG PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN  
BIN ABDUL MUKTI, REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH  
(KUIN) KONVOKESYEN KE-18**

**Yang Teramat Mulia Tunku Tan Sri Dato' Seri Diraja** Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Tunku Temenggung Kedah Darul Aman, Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah Darul Aman, Pro-Canselor 1 Kolej Universiti INSANIAH.

**Ampun Tunku.**

Saya mewakili seluruh warga Kolej Universiti INSANIAH menjunjung kasih diatas kesudian Tunku dan Isteri untuk hadir ke Istiadat Konvokesyen ke 18 Kolej Universiti INSANIAH pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Tunku dan Isteri adalah sangat bermakna dan memberi inspirasi kepada saya sekalian untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh menjadikan Kolej Universiti INSANIAH sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik penuh Kerajaan Negeri Kedah yang terulung dan disegani di rantau ini.

Ampun Tunku, saya mohon perkenan untuk mengalu-alukan kehadiran Jemaah Pemangku Sultan Kedah yang turut hadir pada hari ini.

**Ampun Tunku,**

**Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja** Tunku Abdul Hamid Thani Ibni Amarhum Sultan Badlishah, Tunku Laksamana Kedah Darul Aman, Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah Darul Aman.

**Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tan Sri** Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Tuanku Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Panglima Besar Kedah Darul Aman, Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah Darul Aman.

Yang Teramat Mulia Tunku-Tunku sekalian, saya amat berbesar hati dan menjunjung kasih diatas keberangkatan hadir pada pagi ini.

**Ampun Tunku, saya mohon perkenan Tunku untuk berucap kepada para graduan dan hadirin sekalian.**

**YAB Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah**, Menteri Besar Kedah Darul Aman, merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti INSANIAH.

Yang Berbahagia Sahibus Samahah **Dato' Paduka** Muhamad Baderuddin bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Kedah,

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Pegawai Kerajaan Negeri Kedah, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Pegawai-Pegawai Kanan dan Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan persekutuan,

Yang Berhormat **Dato' Seri Hj Abdul Azeez bin Abdul Rahim**, Pengerusi Lembaga Pengarah, Lembaga Tabung Haji.

Dif-dif jemputan, staf pentadbiran dan akademik Kolej Universiti INSANIAH, para waris dan para graduan yang diraikan sekalian.

**Selamat datang ke Istiadat Konvokesyen ke 18 Kolej Universiti INSANIAH.**

**Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT yang mengizinkan kita berkumpul pada hari yang mulia ini bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH Yang Ke 18.

Ucapan "Tahniah" daripada saya dan seluruh warga INSANIAH kepada semua graduan yang telah berjaya dan akan di anugerahkan ijazah masing-masing, termasuk graduan dari KIAS Kelantan yang telah berjaya menamatkan program berkembar bersama INSANIAH pada tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada para ibu bapa yang tidak pernah berputus asa dalam memastikan kejayaan anak-anak, dan akhirnya membawa kejayaan yang cemerlang bagi mendapat

kebaikan di dunia dan di akhirat. Secara peribadi, saya amat berbangga dengan kejayaan anda semua. Saya percaya kejayaan anda semua pada hari ini pasti menjadi pendorong kepada mahasiswa yang lain untuk terus berusaha bagi mencapai kejayaan yang sama di masa akan datang.

### **Hadirin yang saya hormati sekalian.**

Sempena Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH yang ke 18 ini, saya mewakili seluruh warga INSANIAH, ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Kedah di bawah pimpinan Y.A.B **Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah**, Menteri Besar Kedah, yang juga selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah INSANIAH, di atas segala sokongan padu yang diberikan kepada INSANIAH selama ini samaada dalam bentuk kewangan, pengurusan dan khidmat nasihat bagi tujuan memastikan kampus Kuala Ketil ini dibangunkan menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang dihormati dan disegani.

### **Hadirin yang saya hormati sekalian.**

Pada awal bulan Disember 2014, INSANIAH telah beroperasi sepenuhnya di Kampus Baru Kuala Ketil ini. Alhamdulillah, melalui perpindahan tersebut, kini bilangan pelajar keseluruhannya mencapai hampir 5000 orang pelajar. Usaha untuk meningkatkan bilangan pelajar terus dipertingkatkan melalui pelbagai kaedah perancangan promosi yang lebih tersusun dan teratur bagi mencapai sasaran pelajar seramai 6000 orang pelajar, seterusnya usaha ke arah menaiktaraf Kolej Universiti INSANIAH kepada universiti penuh pada tahun 2017. Usaha secara berterusan ini adalah bagi memastikan INSANIAH terus menjadi pilihan utama sebagai destinasi ilmu yang unik ke arah melahirkan generasi mukmin profesional yang kompetitif dan berdaya saing dalam mengimbangi antara keperluan duniawi dan ukhrawi.

### **Hadirin yang saya kasihi sekalian.**

Bagi memastikan INSANIAH menjadi salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang tersohor, maka beberapa bentuk kerjasama telah dilaksanakan bagi memastikan nama INSANIAH dikenali bukan sahaja di rantau ini, tetapi juga di seluruh dunia.

Baru-baru ini, lawatan kerja ke Negara Mesir telah dilakukan bagi menjalin hubungan kerjasama dengan lebih erat bersama Universiti al-Azhar bagi meningkatkan kebolehpasaran program sedia ada ke arah mewujudkan program secara fleksibeliti 3+1, di mana 3 tahun di INSANIAH manakala 1 tahun di Universiti al-Azhar Mesir bagi pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang. Di samping itu juga, INSANIAH turut menandatangani persefahaman (MoU) bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei serta beberapa Institusi pengajian tinggi Islam di Indonesia, Thailand, China dan Cambodia. Semua ini merupakan antara perancangan strategik bagi tujuan kelestarian akademik INSANIAH dalam memastikan INSANIAH menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Program-program franchise serta jalinan serantau yang menjadi salah satu medium promosi INSANIAH di peringkat tempatan maupun di peringkat global turut dipertingkatkan. Antara program-program *franchise* yang telah dilaksanakan ialahnya antara Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Kelantan, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) Pahang, Kolej Yayasan Restu Selangor, Kolej Yayasan Sabah di Sabah dan lain-lain lagi. Sehingga kini INSANIAH mempunyai lebih 1200 orang pelajar dari pelbagai bidang pengajian daripada program *franchise* ini, seperti Syari'ah, Usuluddin, Kewangan dan Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Takaful dan al-Qur'an.

Melalui usaha-usaha yang dilakukan ini, ianya diharap dapat membantu ke arah tercapainya kelestarian kewangan INSANIAH bermula tahun 2017 ini.

### **Hadirin yang saya kasihi sekalian.**

Saya juga turut ingin berkongsi kejayaan yang telah dicapai oleh para pelajar INSANIAH pada akhir tahun 2015 sehingga September 2016 ini. Pada 25-26 Februari 2016 bertempat di Tanjung Chali, Kedah, Skuad Perahu Panjang INSANIAH muncul juara buat kali keenam berturut-turut apabila merangkul johan kategori IPT dalam Temasya Sukan Sungai Kedah yang diadakan sempena Hari Keputeraan KDYMM Tuanku Sultan Kedah. Bagi Festival Perahu Naga Antarabangsa ke-36 yang berlangsung di Empangan Teluk Bahang, Pulau Pinang, Skuad Perahu Panjang INSANIAH telah berjaya merangkul naib johan dalam kategori International Junior 100M 12krew.

Tidak cukup dengan kejayaan tersebut, pasukan bolasepak INSANIAH turut muncul juara buat kali kedua berturut-turut apabila menewaskan Universiti Teknologi Petronas dengan jaringan 1 – 0 dalam perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Pusingan Kelayakan MASISWA Zon Utara yang berlangsung pada 10 – 12 April 2015 bertempat di Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak.

Melalui Karnival Amal Islami (IPTIM) peringkat IPT Islam Malaysia 2016, INSANIAH telah merangkul Johan bagi kategori Tazkirah Spontan, Pidato Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, Hafazan Quran 1-5 juzuk dan 1-15 juzuk dan akhir sekali Johan Debat Bahasa Melayu. Ini membuktikan bahawa mahasiswa/wi INSANIAH adalah graduan yang memenuhi kehendak pasaran masa kini serta setanding dengan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi lain di Malaysia.

### **Hadirin yang saya muliakan.**

Sekali lagi saya ucapkan Tahniah dan Syabas kepada seluruh graduan yang berada pada hari ini sempena Istiadat Konvokesyen Kolej Universiti INSANIAH kali ke-18. Sepertimana yang tuan-tuan dapat lihat, di luar Dewan Tuanku Sultanah Hajjah Haminah ini diadakan PESTA KONVO dan saya menjemput semua yang hadir ke Istiadat ini untuk sama-sama



menziarahi dan berbelanja di Persta Konvo ini, sebaik saja selesai Istiadat Konvokesyen ini.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Istiadat Konvokesyen ke 18 Kolej Universiti INSANIAH pada kali ini. Semoga Allah SWT memberkati usaha semua pihak yang terlibat samaada secara langsung maupun secara tidak langsung.

**Ampun Tunku.**

Sekianlah ucapan saya dan Saya memanjatkan doa kehadiran ILAHI agar Tunku serta isteri dikekalkan nikmat kesihatan yang berpanjangan serta dilanjutkan usia dengan penuh keberkatan dan keredhaan Allah SWT.

**Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum w.r.t.**

**Ampun Tunku.**